

32  
NO. SOALAN: 417

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN**  
**MOHD AKIN [ BUKIT KATIL ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10696**

**SOALAN:**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [ Bukit Katil ]  
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan secara terperinci  
hidangan makanan dan perkhidmatan perubatan yang disediakan  
kepada setiap banduan di dalam lokap polis.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kos penyediaan makan dan minum untuk tahanan dalam lokap polis ketika ini adalah sekitar RM9 sehingga RM14.80 sehari bagi setiap orang yang ditahan bergantung kepada kedudukan lokap berkenaan. Penyediaan makan dan minum adalah sebanyak 3 kali sehari mengikut menu yang ditetapkan meliputi minum pagi, makan tengahari dan makan malam.**

**Bagi menjamin hak-hak kesihatan tahanan terpelihara, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengeluarkan surat bertarikh 17 April 2017 rujukan KKM 600.27/12/1 Jld 4 (33) agar kes-kes kecemasan "akut" di bawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Pakar yang berdekatan untuk rawatan segera. Di samping itu, dalam semakan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang dibuat bagi pengurusan tahanan dalam lokap polis mengikut Arahan Pentadbiran Bil 11/2014, juga telah memasukkan elemen baharu iaitu orang tahanan hendaklah mengisi borang pengesahan penyakit dan ditandatangani oleh orang tahanan itu sendiri sebelum dimasukkan ke dalam lokap.**

**Ketua Polis Daerah dan Ketua Polis Balai juga telah diarahkan untuk berhubung dengan Pengarah Hospital Daerah bagi membuat lawatan kesihatan secara berkala ke lokap polis dan hendaklah menghantar segera tahanan yang mengadu sakit untuk mendapatkan rawatan di hospital yang berdekatan.**